

# Tiga pelajar UMS timba pengalaman dalam program Huawei


UB 9.11.2017 B4

**TIGA** pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah antara 15 pelajar dari institut pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia yang terpilih mengikuti program Huawei Seeds For The Future di Shenzhen, China.

Mereka ialah Viliانا Jainih, Lai Yik Chen dan Razmin Mohd Kamshah.

Ketiga-tiga mereka bersama 12 lagi wakil dari IPT lain diraikan dalam satu Majlis Penutupan Program Huawei Seeds For The Future di ibu pejabat Huawei, Shenzhen.

Majlis itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia Datuk Mary Yap Kain Ching yang turut bersama-sama Naib Presiden Global Public Affairs of Huawei



**DARI** kiri: Viliانا Jainih, Lai Yik Chen dan Razmin Mohd Kamshah.

Technologies David Harmon menyampaikan sijil tamat program kepada pelajar dari Malaysia.

Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin

serta wakil dari Huawei Technologies (M) Sdn Bhd Vicky, Zhang Yuan dan Simon-Ng.



**TIGA** pelajar UMS bersama 12 pelajar lain merakamkan gambar kenangan bersama Mary.